

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	

Mufti Perlis bimbang masa depan negara

SHAH ALAM - Lagi desakan disuarakan menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menjelaskan pelbagai isu, terutama berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Terkini, Mufti Perlis, Prof Madya Datuk Dr Mohd Astri Zainul Abidin, menerusi laman sosial Facebook miliknya, menyatakan kebimbangan dengan isu yang berlaku, terutama penjualan aset 1MDB kepada Tabung Haji.

"Ini bukan politik kepartian. Ini hak seorang rakyat ingin tahu tentang masa depannya.

"Sebagai rakyat, saya berkongsi kebimbangan tentang nasib dan masa depan negara saya seperti orang lain," katanya.

Katanya, banyak persoalan tidak diberi jawapan jelas, termasuk isu 1MDB yang memabatkan kehilangan puluhan bilion ringgit yang dibangkitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Jho Low (ahli perniagaan Low Theik Jho) pula kelihatan tersenyum mewah di sana-sini. Mengapa dia begitu 'kebal dan utuh'? Media antarabangsa pula tidak henti-henti melaporkan kemewahan luar biasa wanita tertentu.

"Benarkah begitu? Rakyat pula terbeban kenaikan harga barang. Sekarang Tabung Haji pula dilaporkan akan membeli dari 1MDB dengan satu pembelian luar biasa," katanya.

Katanya, Angkatan Belia Islam Malaysia

(Abim) juga menuntut penjelasan kerajaan. Katanya, persoalan sama juga diajukan kepada pihak kerajaan, namun tiada jawapan memuaskan diterima.

"Saya risau. Ini bukan isu politik kepartian. Saya bukan penyokong pembangkang. Tapi ia isu masa depan saya dan negara.

"Saya harap pemimpin utama dapat beri jawapan yang boleh menghilangkan kerisauan rakyat. Kasihanilah kami," katanya.